

AMALAN PENDIDIKAN KANAK-KANAK DALAM ISLAM

Mohd Hasem Almuddin

Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
kulambai655@gmail.com

Asyraf Isyraqi Jamil

Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Che Zarrina Sa'ari

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Abstrak: Pendidikan kanak-kanak merupakan subjek yang amat dititikberatkan dalam perbincangan pendidikan Islam. Ini jelas dilihat dalam khazanah ilmiah Islam yang banyak membahaskan perkara ini. Makalah ini mengumpul dan meneliti pandangan ilmuwan Islam Islam dan kontemporari melalui karya-karya mereka yang berkait secara langsung dengan pendidikan kanak-kanak. Metode dokumentasi digunakan dalam pengumpulan data. Manakala metode analisis kandungan meliputi metode induktif, deduktif dan komparatif dipraktikkan dalam penelitian data. Beberapa aspek dilihat menjadi penekanan utama para ilmuwan Islam dalam pengamalan pendidikan kanak-kanak, antaranya melibatkan perihalan kepentingan dan sejarah pendidikan kanak-kanak serta konsep, prinsip dan peringkat pendidikan kanak-kanak menurut Islam.

Kata kunci: Pendidikan Kanak-kanak, Pendidikan Islam, *Ta'dib*, *Tijl*.

Pengenalan

Pendidikan merupakan satu bidang asasi yang mampu menentukan hala tuju dan jatuh bangun sebuah tamadun. Bahkan pendidikan memainkan peranan penting dalam menjaga kesejahteraan kehidupan individu mahupun masyarakat. Lemahnya pendidikan akan menghasilkan kemunduran dalam keseluruhan aspek (Stapa, Yusuf & Shaharuddin, 2012). Oleh itu secara sendirinya pendidikan kanak-kanak mengambil tempat yang tertinggi dalam bidang pendidikan. Hal ini kerana pendidikan kanak-kanak itu adalah peringkat pertama dan terpenting dalam pendidikan manusia. Pada masa yang sama, ia akan menjadi asas kepada perkembangan peribadi manusia dari setiap sudut ('Uthman, n.d.).

Namun dilihat kepada pendidikan Barat dan sarjananya sering menjadi rujukan apabila membahaskan pendidikan kanak-kanak. Oleh itu makalah ini bertujuan untuk menyorot kembali amalan pendidikan kanak-kanak yang telah dilalui oleh sejarah Islam seterusnya akan memberikan gambaran umum kepada pendidikan kanak-kanak melalui konsep dan prinsip Islam. Gambaran ini mampu untuk menjadi kerangka faham yang kukuh dalam memperlihatkan kepentingan pendidikan kanak-kanak menurut kacamata Islam. Selain ia akan menonjolkan sisi cemerlang pendidikan Islam dalam membincangkan hal ehwal pendidikan kanak-kanak.

Kepentingan Pendidikan Kanak-kanak

Penciptaan manusia secara berperingkat bermula dari kelahiran sehingga kematian mempunyai banyak hikmah. Manakala peringkat kanak-kanak mempunyai keistimewaan sendiri. Contohnya tempoh masa peringkat kanak-kanak manusia adalah lebih panjang daripada tempoh kanak-kanak makhluk lain. Selain itu menjadi kebiasaannya jumlah anak yang dilahirkan oleh seorang ibu dalam satu kelahiran adalah seorang. Kelahiran yang seterusnya berlaku setelah berlalu satu tempoh masa. Dalam tempoh masa itu kanak-kanak pertama telah pun menerima penjagaan dan pendidikan yang sewajarnya. Perkara ini tidak lain hanyalah menunjukkan kepentingan tempoh masa kanak-kanak. Pada peringkat inilah mereka mula belajar dan membentuk diri ('Uthman, n.d.).

Tidak hairan perihal kanak-kanak dan pendidikan mereka amat dititikberatkan oleh al-Quran. Ini boleh dilihat bagaimana al-Quran meletakkan peringkat kanak-kanak ini ke peringkat yang tertinggi apabila menceritakan kisah para nabi tanpa meninggalkan zaman kanak-kanak mereka. Contohnya kisah zaman kanak-kanak Nabi Ismail, Nabi Yusuf, Nabi Musa, dan Nabi Muhammad s.a.w (Jum'ah, 2001). Al-Quran juga meletakkan pendidikan mereka sebagai satu tanggungjawab yang besar dan perlu dititikberatkan (Ibn Kathir, 1999).

Oleh yang demikian proses membentuk pada peringkat kanak-kanak amatlah penting kerana ia akan mencorakkan peribadi dan susuk tubuhnya pada masa hadapan (al-Ghazzali, n.d.). Manakala untuk menghasilkan natijah yang diinginkan dari proses pembentukan itu, maka pendidikan yang sempurna mestilah disediakan kepada mereka. Justeru jelas pendidikan kanak-kanak amat penting kerana ia berkait secara langsung dengan pembentukan kanak-kanak. Kepentingan pendidikan kanak-kanak terletak kepada proses pendidikan yang dilaksanakan terhadap kanak-kanak untuk sampai kepada objektif yang dikehendaki.

Sejarah Pendidikan Kanak-kanak

Jika ditelusuri sejarah Islam bermula pada zaman Rasulullah s.a.w sehingga kini, pendidikan kanak-kanak tidak pernah tersisih. Bahkan ia di antara subjek utama yang diambil perhatian oleh Baginda s.a.w. Buktinya hal berkenaan kanak-kanak ini diperbincangkan dengan sangat terperinci seawal sebelum kelahiran mereka. Ini boleh dilihat apabila perbincangan bermula seawal hal pemilihan ibu kepada kanak-kanak tersebut (Ulwan, 1992; Suwaid, 2000; Muhammad Dawud, 2001; al-Misri, 2002; Naif, 2009; Ahmad, n.d.; al-Qahtani, n.d.). Selain itu dapat dilihat Baginda s.a.w mendoakan kanak-kanak walaupun belum dilahirkan lagi sepertimana yang Baginda s.a.w lakukan kepada penduduk Taif ketika Baginda s.a.w berdakwah di sana (al-Mubarakfuri, n.d.). Juga boleh dilihat apabila Baginda s.a.w memerintahkan pasangan suami isteri untuk berdoa sebelum melakukan persetubuhan demi kebaikan anak yang akan dilahirkan (Abd al-Rahman, 2004). Selain itu sarjana Islam juga telah membincangkan berkenaan pendidikan kanak-kanak dalam kandungan (prenatal education) lebih awal daripada Barat (Ibn Sina, 1999).

Walaupun pada zaman Baginda s.a.w pendidikan kanak-kanak tidaklah mempunyai institusi yang khusus, namun pendidikan berlaku dengan sempurna. Ini kerana seolah-olah institusi pada waktu itu adalah keseluruhan hidup mereka kerana kewujudan Baginda s.a.w. Pendidikan yang dibawa oleh Baginda s.a.w pada ketika itu bahkan sehingga sekarang membangkitkan kebaikan, membangunkan cita-cita kepada kanak-kanak, menumbuhkan akal dan hati serta meningkatkan kesedaran (Jum'ah, 2001).

Dalam pada itu, jika diteliti penulisan dalam pendidikan Islam akan memperlihatkan kebanyakan buku-buku yang ditulis berkaitan dengan pendidikan kanak-kanak berkait dengan kepentingan ilmu, kelebihan serta adab menuntut ilmu dan menyebarkannya. Ini memberi gambaran bahawa peringkat umur kanak-kanak dalam Islam adalah tempoh masa pendidikan yang terbaik sama ada dari sudut ilmu mahupun akhlak. Bermula dengan kemunculan karya seperti *al-'Alim wa'l-Muta'allim* karya Abu Hanifah al-Nu'man (m. 150 H), *Kitab al-'Ilm* karya Abi Khaythamah (m. 234 H), *Adab al-Mu'allimin* karya Ibn Sahnun (m. 256 H), *al-Risalah al-Mufassalah li-Ahwal al-Muta'allimin wa-Abkam al-Mu'allimin wa'l-Muta'allimin* karya al-Qabisi (m. 403 H), *Adab al-Dunya wa'l-Din* karya al-Mawardi (m. 450 H), *al-Akblaq wa'l-Siyar fi Mudawamah al-Nufus* karya Ibn Hazm (m. 456 H), *al-Jami' li-Akblaq al-Rawi wa-Adab al-Sami'* karya al-Khatib al-Baghdadi (m. 463 H), *al-Dhari'ah ila Makarim al-Shari'ah* karya al-Raghib al-Asfahani (m. 502 H), *Ayyuha al-Walad* karya Abu Hamid al-Ghazzali (m. 505 H), *Laftah al-Kabad ila Nasibah al-Walad* karya Ibn Zawji (m. 597 H), *Ta'lim al-Muta'allim fi Tariq al-Ta'allum* karya al-Zarnuji (m. 610 H), *Adab al-'Alim wa'l-Muta'allim wa'l-Mufti wa'l-Mustafi' wa-Fadl Talab al-'Ilm* karya al-Nawawi (m. 676 H) dan banyak lagi.

Perhatian khusus perihal pendidikan kanak-kanak dalam sejarah Islam juga dilihat kepada para pemimpin Islam terdahulu apabila menjadi kebiasaan mereka memilih pendidik yang khusus untuk anak-anak mereka. Pendidik yang dilantik untuk mengajar anak-anak para pemimpin tersebut akan mengajarkan mereka pelbagai bidang ilmu (Ibn Khaldun, 1988). Contohnya Abu Muslim Mu'az bin Muslim al-Harra' adalah pendidik (*mu'addib*) kepada anak-anak Khalifah 'Abd al-Malik bin Marwan (al-Qutfi, 1982). Begitu juga Muhammad bin Muslim al-Zuhri adalah pendidik kepada anak-anak Khalifah Hisham bin 'Abd al-Malik (al-Dhahabi, 2006). Perkara ini menjadi kelaziman para pemimpin Islam pada ketika itu. Setelah itu ia tidak lagi terhad kepada anak-anak pemimpin bahkan terhadap kanak-kanak awam. Ini berlaku sejajar dengan munculnya sistem pendidikan yang tersusun seperti munculnya institusi pendidikan dengan campurtangan pihak penguasa pada ketika itu ('Abd al-Da'im, 1984).

Antara tempat-tempat pendidikan yang terdapat dalam sejarah Islam ialah rumah persendirian, masjid, *kuttah*, istana pemerintah, salun kesusasteraan, kedai buku, madrasah dan *dar* persendirian, perpustakaan, hospital, balai cerap, dan kawasan pedalaman (Jamil, 2013). Selain itu disebutkan juga bahawa pertambahan jumlah pelajar membawa kepada perkembangan ini (Shalaby, 1954). Dari itu dapat dilihat sedikit sebanyak perkembangan pendidikan kanak-kanak sejak bermulanya zaman Islam. Perkembangan ini membuktikan bahawa amalan pendidikan kanak-kanak dalam sejarah Islam sememangnya tidak boleh dinafikan.

Konsep Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

Untuk membahaskan berkenaan konsep pendidikan kanak-kanak dalam Islam, adalah wajar dijelaskan secara ringkas berkenaan konsep pendidikan dalam Islam terlebih dahulu sebelum diperincikan berkenaan konsep pendidikan kanak-kanak dalam Islam.

Konsep Pendidikan dalam Islam

Dalam membahaskan berkenaan konsep pendidikan dalam Islam, wajar dikemukakan istilah-istilah bahasa Arab yang digunapakai untuk memberi gambaran konsep tersebut. Istilah-istilah Arab yang sering dikaitkan dengan pendidikan ialah *ta'lim*, *tarbiyah*, *ta'dib*, *tadris*, *tabdhib* dan *riyad* (Md. Nawi, 2011). Namun hanya istilah *ta'lim*, *tarbiyah* dan *ta'dib* yang akan dibahaskan kerana merujuk kepada rumusan Persidangan Dunia Pertama Mengenai Pendidikan Muslim pada tahun 1977 yang menyatakan pendidikan ditakrifkan sebagai *al-ta'lim*, *al-tarbiyah* dan *al-ta'dib* secara bersama-sama (al-Attas, n.d.). Rumusan daripada perbahasan ketiga-tiga istilah ini akan membawa kepada faham pendidikan dalam Islam.

Perkataan *ta'lim* adalah kata nama terbitan daripada kata kerja *'allama* yang berasal daripada perkataan *'alima* yang membawa maksud mengetahui (al-Zabidi, n.d.). Daripada perkataan ini juga terkait perkataan *al-'ilm*. *'Ilm* pada asalnya memberi maksud 'tanda atau kesan yang membezakan sesuatu dengan sesuatu yang lain'. *'Ilm* juga adalah antonim kepada perkataan *jahl* yang bermaksud jahil (Ibn Manzur, 1993). Dalam hal ini, *'ilm* lebih merujuk kepada ilmu sebagai sifat yang membezakan manusia dengan manusia lain dan juga membezakan manusia dengan haiwan ('Umar, 2008). Oleh itu dapat dikatakan bahawa *al-'ilm* adalah suatu sifat yang membolehkan manusia itu mengetahui hakikat sesuatu.

Justeru *ta'lim* dari segi bahasa boleh dikatakan sebagai pemberitahuan, pengkhabaran atau penerangan yang dilakukan secara berulang dengan kadar yang banyak tentang sesuatu sehingga seseorang itu memahami maknanya dan memberi kesan kepada dirinya (al-Asfahani, 1991). Dari segi istilah, *ta'lim* ialah mengajar sesuatu dengan memberi penjelasan sehingga pelajar dapat memahami, mengambil manfaat dan mengamalkannya (Md. Nawi, 2011). Terdapat pandangan yang lebih luas dalam menyatakan maksud *ta'lim* dari segi istilah iaitu segala perbuatan yang dilakukan untuk mencapai tujuan melahirkan manusia yang berilmu (Jamil, 2013).

Dapat disimpulkan terdapat dua perkara yang penting dalam *ta'lim* iaitu *al-'ilm* atau ilmu dan proses memasukkan ilmu ke dalam diri manusia. Pada masa yang sama, *ta'lim* dilihat hanya tertumpu kepada proses pengajaran dan terbatas kepada aspek ilmu pengetahuan ataupun kognitif. Justeru *ta'lim* kepada manusia dapat ditakrifkan sebagai proses pengajaran ilmu sehingga memahami hakikatnya.

Perkataan *tarbiyah* pula adalah kata nama terbitan daripada kata kerja *rabba* yang berasal daripada tiga perkataan yang berbeza iaitu *raba*, *rabiya* dan *rabba* (Naif, 2009; Md. Nawi, 2011). Pertama *raba* yang bermaksud tambah dan berkembang. Kedua *rabiya* yang bermaksud tumbuh dan terjaga. Ketiga *rabba* yang membawa maksud memperbaiki, mengambil alih urusan, menjaga, memelihara, memberi makan dan mengatur. Terdapat beberapa perkataan yang berkait dengan perkataan *tarbiyah*. Antaranya *al-rabb* yang makna asalnya adalah *tarbiyah* iaitu menyampaikan sesuatu sehingga sempurna sedikit demi sedikit (al-Baydawi, 1997). Begitu juga perkataan *al-rabbani* yang membawa maksud orang yang mengajarkan ilmu kepada manusia, memperbaiki dan mengurus mereka (al-Razi, 1999).

Oleh itu boleh dikatakan *tarbiyah* atau *rabba* adalah proses yang mempunyai unsur gabungan ketiga-tiga punca perkataan yang disebutkan di atas yang boleh disimpulkan sebagai suatu pertambahan, perkembangan, pembaikan dan penjagaan. *Tarbiyah* berlaku pada diri manusia dalam pelbagai peringkat usia. Bahkan *tarbiyah* bukan sahaja berlaku kepada manusia tetapi kepada semua perkara yang boleh tumbuh dan berkembang seperti binatang dan tumbuh-tumbuhan (Ibn Manzur, 1993).

Walau bagaimanapun dalam penulisan Islam sering kali perkataan *tarbiyah* dikaitkan dengan peringkat usia kanak-kanak. Manakala dalam bidang pendidikan perkataan *tarbiyah* merangkumi semua peringkat umur manusia (Yunus, 'Abduh & 'Abd Allah, 1999). Berdasarkan perbahasan di atas dapat ditakrifkan *tarbiyah* kepada manusia sebagai suatu proses yang bertujuan perkembangan diri manusia dari semua aspek diri sepanjang hayatnya sehinggalah sempurna.

Perkataan *ta'dib* pula adalah kata nama terbitan daripada kata kerja *addaba* yang berasal daripada perkataan *al-adab* yang membawa maksud undangan. Daripada perkataan *al-adab* ini juga terkait perkataan *al-adb* yang membawa maksud takjub (Ibn Manzur, 1993). Penjelasan perkaitan antara kedua-dua makna undangan dan takjub dapat diperjelaskan dengan kedudukan *adab* yang tergambar pada perkara-perkara yang mengundang sesuatu kepada sesuatu dan menakjubkan sesuatu dengan sesuatu. Contohnya apabila adab digunakan kepada laut (*adab al-babr*), istilah ini bermaksud laut yang memiliki air yang banyak dan berombak, seterusnya air yang banyak dan gelombang ombak itu mengundang manusia untuk melihatnya dan menjadikan manusia takjub terhadapnya (Jamil, 2013).

Jika dirujuk kepada manusia, perkataan *al-adab* membawa maksud kebijaksanaan dan kecantikan. Ini membawa kepada dua perkara yang berkaitan dengan *al-adab* iaitu adab jiwa (*adab al-nafs*) dan adab pengajaran (*adab al-dars*). *Addaba* juga diertikan dengan perkataan *'allama* yang membawa maksud mengajar yang apabila dirujuk kepada manusia bermaksud menyampaikan ilmu. Apabila *addaba* dalam erti kata *'allama* dirujuk kepada binatang, ia membawa maksud melatih untuk tunduk dan patuh (Jamil, 2013). Justeru *al-adab* adalah suatu sifat yang membawa manusia dengan ilmu kepada perkara-perkara yang terpuji dan menjauhkannya dari perkara yang tercela atau dalam erti kata yang lain berakhlak, seterusnya menjadikannya manusia yang patuh. Daripada perbahasan ini dapat ditakrifkan *ta'dib* kepada manusia sebagai proses untuk memasukkan *adab* ke dalam diri manusia yang membawa kepada ilmu yang benar, jiwa yang bersih dan akhlak yang baik seterusnya menjadikannya manusia yang patuh dan sempurna.

Setelah diteliti perbahasan tentang makna *ta'lim*, *tarbiyah* dan *ta'dib*, satu kesimpulan boleh dibuat iaitu ketiga-tiga perkataan ini saling berkait dan menguatkan antara satu sama lain walaupun ada yang memberi makna yang lebih luas berbanding yang lain. Gambaran faham pendidikan menurut Islam tidak dapat lari daripada menggabungkan ketiga-tiga unsur ini. Hal ini bertepatan dengan rumusan

Persidangan Dunia Pertama Mengenai Pendidikan Muslim pada tahun 1977 yang menyatakan pendidikan ditakrifkan sebagai *al-ta'lim*, *al-tarbiyah* dan *al-ta'dib* secara bersama-sama (al-Attas, n.d.).

Apabila diperhalusi setiap takrifan yang diberi, ternyata *ta'lim* lebih dekat untuk memenuhi keperluan kognitif ataupun akal. *Tarbiyah* pula lebih cenderung untuk memenuhi keperluan perkembangan jasmani dan psikomotor serta pertumbuhan emosi. Manakala *ta'dib* pula lebih dekat kepada keperluan kognitif, rohani dan akhlak. Tanpa dinafikan bahawa setiap daripada perkataan tersebut juga menyentuh keperluan-keperluan yang lain dalam diri manusia. Justeru mengambil kelebihan ketiga-tiganya dan menggabungkannya tanpa memisahkannya adalah satu langkah yang harus diambil untuk memberi faham pendidikan menurut Islam. Dalam pada masa yang sama ia membawa sifat pendidikan Islam itu sendiri sebagai suatu proses yang lebih bersifat menyeluruh.

Pandangan sarjana pendidikan Muslim juga haruslah dikemukakan supaya faham pendidikan Islam yang diberikan menjadi lebih menyeluruh dan komprehensif. Antaranya al-Hazimi (2000) yang menyatakan pendapat daripada al-Baydawi bahawa pendidikan ialah proses penyampian sesuatu perkara sehingga sempurna secara berperingkat. Beliau juga membawa pandangan al-Asfahani yang menyatakan pendidikan itu ialah proses pembentukan sesuatu secara berperingkat sehingga sampai tahap kesempurnaan. Lalu al-Hazimi merumuskan daripada dua pendapat tersebut dengan menyatakan bahawa pendidikan merupakan proses pembentukan insan secara berperingkat, dari segenap aspek untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat bersesuaian dengan manhaj Islam. Bagi al-Ghazzali seperti yang dinyatakan oleh al-Qari (1989) bahawa pendidikan ialah proses memperkembangkan bakat dengan cara menghindarkan segala penghalang atau rintangan. Selain itu Mat Diah (1989) menyatakan pendidikan sebagai suatu proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk mencapai tujuan membentuk Muslim berdasarkan ajaran Islam. Manakala al-Attas (1992), juga seperti yang dipetik oleh Wan Daud (2005) meletakkan pendidikan sebagai proses penanaman dan penyebaran adab dalam diri manusia.

Selepas meneliti makna yang terhasil daripada penggabungan ketiga-tiga unsur iaitu *ta'lim*, *tarbiyah* dan *ta'dib* serta pandangan para sarjana pendidikan Muslim, maka penulis merumuskan pendidikan dalam Islam sebagai proses membentuk manusia dengan menerapkan ilmu yang benar dan akhlak terpuji secara berperingkat dan menyeluruh untuk menjadi hamba yang patuh kepada Tuhan.

Konsep Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

Kanak-kanak diungkapkan dengan istilah *al-tijl* dalam bahasa Arab. *Tijl* berasal dari akar perkataan *tafula* yang sinonim dengan *rakbusa* yang membawa maksud lembut dan halus (Ibn Manzur, 1993; al-Zabidi, n.d.). *Tijl* juga membawa maksud sesuatu yang kecil saiznya atau sedikit umurnya. Bahkan ia digunakan kepada semua benda termasuklah manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Justeru istilah *tijl* secara asalnya jika digunakan kepada manusia atau haiwan adalah anak yang baru dilahirkan. Oleh sebab itu *tijl* juga dimaksudkan dengan anak yang baru lahir. Apabila digunakan kepada tumbuh-tumbuhan, maka ia membawa maksud anak pokok atau benih yang baru tumbuh ataupun tumbuh-tumbuhan yang kecil saiznya.

Perkataan *tijl* disebut dalam al-Quran di beberapa tempat. Antaranya ketika Allah SWT memberitahu manusia akan peringkat kejadian untuk menghilangkan perasaan ragu-ragu tentang hari kiamat. Allah SWT menyatakan manusia dicipta daripada tanah, kemudian setitik air benih, kemudian sebuku darah beku, kemudian seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan dan kemudian manusia dikeluarkan berupa *tijl* (Surah al-Haj, 5; Surah al-Ghafir, 67). Jika dilihat ayat ini dari sudut kedudukannya dapat difahami bahawa *tijl* merujuk kepada keadaan manusia selepas dilahirkan (al-Da'ayish & al-Qasim, 2004). Begitu juga perkataan *tijl* dapat dilihat ketika Allah SWT memerintahkan kepada wanita supaya tidak memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali kepada beberapa golongan termasuk *tijl* yang belum mengerti aurat wanita (Surah al-Nur, 31). Disebutkan juga perkataan *tijl* dalam

bentuk kata nama ramai (*jama'*) iaitu *atfal* ketika Allah SWT menjelaskan waktu-waktu tertentu yang diperlukan keizinan oleh anak-anak untuk memasuki bilik ibu bapa mereka (Surah al-Nur, 58). Kedua-dua ayat ini menunjukkan *tijl* mempunyai tempoh yang tertentu yang menjadi penanda kepada titik tolak perubahan hukum kepada *tijl* tersebut.

Melihat kepada penggunaan al-Quran terhadap perkataan *tijl*, terdapat dua gambaran yang berkaitan dengannya. Pertama, perkataan *tijl* berkaitan dengan keadaan dan hal yang merujuk kepada keadaan jasmani dan jasad. Kedua, ia berkaitan dengan tempoh umur yang dapat dikenal pasti apabila hukum kanak-kanak berubah ketika sampai tempoh tertentu (Ibn Kathir, 1999). Ini menunjukkan kanak-kanak tersebut sudah sampai ke satu peringkat yang tertentu. Justeru dapat dikatakan perkataan *tijl* jika digunakan kepada manusia, ia merujuk kepada manusia yang masih kecil dari segi umur dan fizikalnya yang berlaku secara kebiasaan sehinggalah sampai kepada tempoh umur akil baligh (al-Kuwayt, 1986).

Terdapat beberapa perkataan lain yang digunakan untuk menggambarkan kanak-kanak antaranya *sabiy* dan *ghulam* (Ibn Manzur, 1993; al-Zabidi, n.d.). Namun perkataan *sabiy* dalam penggunaan al-Quran bertepatan dengan takrif kanak-kanak yang masih dalam tempoh menyusu (Surah Maryam, 12 & 29). Manakala *ghulam* bermaksud kanak-kanak yang baru dilahirkan sehingga tumbuh anak misainya atau remaja yang baru tumbuh misainya (Umar, 2008). Dalam al-Quran perkataan *ghulam* disebut beberapa kali, antaranya dalam kisah penceritaan pemberian *ghulam* kepada Nabi Ibrahim a.s, Nabi Zakariyya a.s dan Maryam a.s (Surah Ali 'Imran, 40; Surah Maryam, 7, 8, 19 & 20; Surah al-Saffat, 101; Surah al-Dhariyat, 28; Surah Yusuf, 19; Surah al-Kahf, 74, 80 & 82). Namun dalam penceritaan-penceritaan tersebut, perkataan *ghulam* merujuk kepada anak kecil yang bertentangan dengan maksud *ghulam* sebagai remaja yang baru tumbuh misainya. Walau bagaimanapun, sebenarnya penggunaan *ghulam* dalam kisah-kisah tersebut menunjukkan sifat optimis (*tafa'ul*) bahawa anak-anak itu akan membesar dan menjadi *ghulam* (al-Andalusi, 2003).

Oleh itu jika digabungkan faham pendidikan dan makna kanak-kanak seperti yang dibahaskan di atas, maka dapat disimpulkan takrif pendidikan kanak-kanak dalam Islam sebagai proses membentuk kanak-kanak dengan menerapkan ilmu yang benar dan akhlak terpuji secara berperingkat dan menyeluruh untuk menjadi hamba yang patuh kepada Tuhan. Justeru pendidikan kanak-kanak yang berkaitan dengan keperluan kognitif ataupun akal boleh diistilahkan sebagai *ta'lim al-tijl*. Pendidikan mereka yang berkaitan keperluan perkembangan jasmani dan psikomotor serta pertumbuhan emosi pula boleh diistilahkan sebagai *tarbiyah al-tijl*. Manakala pendidikan keperluan akhlak, rohani dan kognitif pula boleh diistilahkan sebagai *ta'dib al-tijl*.

Prinsip Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

Dalam melaksanakan pendidikan terhadap kanak-kanak, Islam mempunyai prinsip tersendiri. Prinsip-prinsip itu lahir dari sumber utama Islam itu sendiri iaitu al-Quran dan Hadis. Prinsip ini banyak berkait dengan hubungan antara pendidik dengan kanak-kanak tersebut. Antara prinsip pendidikan kanak-kanak dalam Islam ialah hormat dan kasih sayang (*al-ibtiram wa'l-shafaqah*), berlemah lembut (*al-rifq wa'l-layyin*), keadilan (*al-'adalah*) dan berperingkat dalam pengajaran (*al-tadarruj*).

1) Prinsip hormat dan kasih sayang (*al-ibtiram wa'l-shafaqah*)

Prinsip hormat dan kasih sayang (*al-ibtiram wa'l-shafaqah*) ini mestilah berlaku antara pendidik dan kanak-kanak yang dididik sebagaimana sayangnya seorang ayah kepada anaknya. Ini adalah prinsip yang datang dari pendidik agung iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Baginda s.a.w menyifatkan dirinya kepada manusia seolah-olah sebagai seorang ayah kepada anaknya (Ibn Majah, 2009). Ini menunjukkan kasih sayang Baginda s.a.w dalam mendidik umatnya adalah seolah-olah kasih sayang seorang ayah kepada anaknya. Begitu juga halnya dalam pendidikan kanak-kanak iaitu pendidik dengan kanak-kanak yang dididik hendaklah berprinsipkan kasih sayang yang sama (al-Ghazzali, n.d.). Perasaan hormat pendidik tersebut

hendaklah terserlah dalam percakapan, perbuatan bahkan terhadap panggilan kepada kanak-kanak tersebut. Ini kerana ia amat memberi kesan kepada pendidikan kanak-kanak (al-Nawawi, n.d.). Prinsip ini juga bertitik tolak daripada pesanan pendidik agung Nabi Muhammad s.a.w yang amat menekankan akhlak dan menyatakan bahawa sebaik-baik orang yang beriman dan yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik akhlaknya (al-Tirmidhi, 1998).

2) Prinsip berlemah lembut (*al-ri'f wa'l-layyin*)

Prinsip berlemah lembut (*al-ri'f wa'l-layyin*) juga merupakan prinsip yang penting dalam pendidikan kanak-kanak. Bersikap lemah lembut merupakan anjuran yang penting dalam pendidikan kanak-kanak dan merupakan penjagaan yang terbaik buat mereka (al-Qabisi, 1986). Ia merupakan salah satu faktor yang besar dalam kejayaan pendidikan terhadap kanak-kanak (Ma'lum, 1993). Justeru tidak menjadi kesalahan jika dikatakan menjadi satu kewajipan kepada para pendidik untuk bersikap lemah lembut terhadap kanak-kanak yang dididiknya (al-Ahwani, 1968). Ini kerana bersikap lemah lembut adalah perkara penting yang diajar oleh Baginda s.a.w. Baginda s.a.w menyatakan bahawa Allah SWT menyukai kelembutan dalam segala urusan (al-Bukhari, 2001). Bersikap kasar dan keras dalam mendidik kanak-kanak akan menimbulkan banyak kesan negatif terhadap mereka seperti kebimbangan, hilang kecerdasan dan menimbulkan kemalasan. Kekerasan kepada mereka juga mendorong ke arah berkelakuan menipu kerana takut (Ibn Khaldun, 1988). Walaupun begitu bersifat lemah lembut kepada kanak-kanak hendaklah tidak keterlaluan sehingga menjadikan mereka lemah (Qutb, n.d.).

3) Prinsip keadilan (*al-'adalah*)

Prinsip keadilan (*al-'adalah*) pada asalnya membawa maksud sesuatu perkara yang tepat di antara dua keadaan, tidak lebih dan tidak kurang (al-Jurjani, 2004). Prinsip keadilan (*al-'adalah*) dalam pendidikan kanak-kanak bermaksud mengajarkan ilmu-ilmu yang sepatutnya diajarkan kepada mereka (Ibn Sahnun, 1968). Selain itu prinsip ini juga merangkumi peringkat kefahaman kanak-kanak pelajar. Dalam usaha untuk memberi ilmu dan pendidikan, pendidik hendaklah adil dalam memberikan pengajarannya. Dalam erti kata lain pendidik hendaklah meraikan perbezaan tahap kecerdasan kanak-kanak yang dididiknya (al-Nawawi, n.d.).

Namun pada masa yang sama pendidik hendaklah sentiasa berwaspada agar tidak membandingkan-bandingkan antara kanak-kanak pelajar. Perkara ini mungkin akan merendahkan sebahagian yang lain dan menyebabkan kesedihan (Ibn Jama'ah, 2012). Hal ini boleh menebalkan perasaan tidak yakin dan kurang bermotivasi kepada kanak-kanak yang lemah dan tidak terkehadapan. Jika dilihat dengan teliti prinsip keadilan ini berkait dengan prinsip yang seterusnya iaitu prinsip berperingkat dalam pengajaran (*al-tadarruj*).

4) Prinsip berperingkat dalam pengajaran (*al-tadarruj*)

Prinsip berperingkat dalam pengajaran (*al-tadarruj*) ini penting kerana setiap pelajar mempunyai kecerdasan dan peribadi yang berbeza. Sebagai mana yang disebutkan dalam prinsip keadilan, pendidik hendaklah meraikan perbezaan ini. Dalam menanggapi hal ini, prinsip berperingkat dalam pengajaran ini sangat penting untuk diamalkan. Pendidikan terhadap kanak-kanak tidak akan berhasil tanpa mengaplikasikan prinsip ini (Ibn Khaldun, n.d.). Ia perlu bersesuaian dengan kadar pemahaman sebagai kanak-kanak supaya mereka tidak terasa terbeban dan sukar. Kesannya akan menyebabkan kecerdasan mereka terbantut. Lebih dari itu akan menyebabkan mereka tidak suka untuk belajar dan melarikan diri daripada pembelajaran (al-Ghazzali, n.d.).

Prinsip ini sebenarnya bertitik tolak daripada didikan Allah SWT ke atas Baginda Nabi s.a.w. Prinsip ini juga diamalkan oleh para sahabat apabila mereka mempelajari iman terlebih dahulu sebelum mempelajari al-Quran (Ibn Majah, 2001). Berperingkat dalam pengajaran kanak-kanak ini mengambil

kira dua aspek yang besar iaitu berperingkat dalam kadar ilmu pengajaran yang diberikan dan berperingkat dalam cara memberikan ilmu tersebut (al-Qaradawi, 2001).

Peringkat Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

Secara umumnya pendidikan pada zaman kini dibahagikan kepada peringkat rendah, menengah, dan tinggi. Pembahagian ini boleh dilihat sejak awal kewujudan empayar Islam lagi (Shalaby, 1954). Justeru pendidikan kanak-kanak adalah termasuk dalam pendidikan rendah. Pendidikan rendah pada zaman awal Islam adalah menyamai pendidikan yang berlaku di *kuttab* (Makdisi, 1981). Umumnya pendidikan kanak-kanak boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian (Ibrahim, 1997; 'Uthman, n.d.). Namun peringkat pendidikan kanak-kanak yang sesuai menurut Islam adalah terbahagi kepada empat bahagian berdasarkan perbincangan mengenai perkataan *tijl* yang lalu. Bahagian pertama ialah pendidikan peringkat sebelum kelahiran, bahagian kedua ialah pendidikan peringkat kanak-kanak pertama, bahagian ketiga ialah pendidikan peringkat kanak-kanak kedua, dan bahagian keempat ialah pendidikan peringkat menghampiri remaja.

Bahagian pertama iaitu peringkat sebelum kelahiran termasuk dalam peringkat pendidikan kanak-kanak kerana bayi yang berada dalam kandungan terkesan dengan suasana luar (Ibn Sina, 1999). Walaupun dari segi bahasa sebagaimana perbincangan makna kanak-kanak (*tijl*) sebelum ini menyatakan kanak-kanak adalah manusia yang masih kecil dari segi umur dan fizikalnya, namun para fuqaha telah memberikan bayi dalam kandungan beberapa hak, antaranya hak nasab, hak mendapat perwarisan, hak mendapat wasiat dan hak mendapat waqaf (al-Kuwayt, 1986). Perkara ini menunjukkan bayi dalam kandungan adalah sama seperti kanak-kanak yang baru dilahirkan kerana mendapat hak sepertimana kanak-kanak biasa.

Bahagian kedua iaitu peringkat kanak-kanak pertama adalah selepas kelahiran sehingga mencapai umur enam atau tujuh tahun. Peringkat ini boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa pertama selepas kelahiran sehingga umur dua tahun manakala fasa kedua adalah bermula umur tiga tahun sehingga tujuh tahun. Fasa pertama adalah berdasarkan tempoh penceraian susu kepada seorang bayi iaitu dua tahun (Surah al-Baqarah, 233). Manakala fasa kedua berakhir pada umur tujuh tahun kerana pada umur ini Baginda s.a.w mengisytiharkan suatu tempoh peralihan apabila di usia ini kanak-kanak sudah mula diajar untuk menunaikan solat (al-Hakim, 2003; al-Bayhaqi, 2003).

Bahagian ketiga iaitu peringkat kanak-kanak kedua adalah bermula dari umur tujuh tahun sehingga sepuluh tahun. Had umur sepuluh tahun ini diambil berdasarkan isyarat Baginda s.a.w dalam keharusan menghukum kanak-kanak pada usia sepuluh tahun apabila tidak menunaikan solat. Pada umur ini juga tempat tidur anak-anak lelaki dan perempuan dipisahkan (al-Hakim, 2003; al-Bayhaqi, 2003).

Bahagian keempat iaitu peringkat menghampiri remaja adalah bermula dari sepuluh tahun sehingga umur akil baligh. Umur akil baligh secara kebiasaannya ialah lima belas tahun bagi lelaki dan sembilan tahun bagi perempuan.

Pembahagian ini penting untuk dilihat dengan lebih serius kerana setiap bahagian mempunyai perbezaan tersendiri. Ia juga akan mempengaruhi bagaimana cara untuk berinteraksi dengan setiap bahagian ini. Jika gagal untuk meraikan bahagian-bahagian tersebut, maka kesan negatif yang ketara akan muncul terhadap kanak-kanak.

Kesimpulan

Melalui perbincangan dalam makalah ini dapat dilihat Islam amat mementingkan pendidikan termasuk pendidikan kanak-kanak. Lembaran sejarah Islam yang panjang dan luas telah membuktikannya. Bermula dengan sirah Baginda s.a.w sehinggalah seterusnya boleh dilihat dalam hasil karya ilmiah yang

dilahirkan oleh para sarjananya. Justeru kerangka faham pendidikan kanak-kanak menurut Islam sangat teguh dan jelas. Prinsip-prinsip yang menyokong kerangka faham inilah yang mengarahkan pendidikan kanak-kanak tersebut sama ada dari segi kaedah, teknik, pendekatan atau sebagainya. Akhirnya dapat difahami bahawa Islam menunjukkan sifat kesempurnaannya dengan tidak pernah memandang enteng terhadap peringkat yang penting dalam pendidikan manusia iaitu peringkat pendidikan kanak-kanak.

References

- ‘Abd Al-Da’im, ‘A. (1984). *Al-Tarbiyah ‘Ibr al-Tarikh min al-‘Usur al-Qadimah hatta Awa’il al-Qarn al-‘Isbrin*. Dar al-‘Ilm al-Malayin.
- ‘Abd al-Rahman, J. (2004). *Atfal al-Muslimin Kayfa Rabba-hum al-Nabiy al-Amin*. Dar Taybah al-Khadra’.
- ‘Ulwan, ‘A. N. (1992). *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*. Dar al-Salam.
- ‘Umar, A. M. (2008). *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyah al-Mu‘asirah*. ‘Alam al-Kutub.
- ‘Uthman, H. M. (n.d.). *Al-Tufulah fi al-Islam Makanatu-ha wa-Asas Tarbiyah al-Tijl*. Dar al-Marikh.
- Ahmad, K. (n.d.). *Tarbiyah al-Atfal fi al-Hadith al-Sharif*. N.P..
- Al-Ahwani, A. F. (1968). *Al-Tarbiyah fi al-Islam*. Dar al-Ma‘arif.
- Al-Andalusi, A. H. M. Y. (2003). *Al-Babr al-Mubrit fi al-Tafsir*. Dar al-Fikr.
- Al-Asfahani, A. (1991). *Al-Mufradat fi Gharib al-Qur’an*. Dar al-Qalam.
- Al-Attas, S. M. N. (1992). *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (n.d.). *Aims and Objectives of Islamic Education*. King Abdul Aziz University & Hodder and Stouhton.
- Al-Baydawi, N. ‘A. ‘U. (1997). *Amwar al-Tanzil wa-Asrar al-Ta’wil*. Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Bayhaqi, A. H. (2003). *Al-Sunan al-Kubra*. Ed. Muhammad ‘Abd al-Qadir. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, M. I. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Ed. Muhammad Zuhayr Nasir. Dar Tawq al-Najah.
- Al-Da’ayish, A. M., & al-Qasim, I. M. (2004). *I‘rab al-Qur’an al-Karim*. Dar al-Munir & Dar al-Farabi.
- Al-Dhahabi, M. ‘A. (2006). *Siyar A‘lam al-Nubala’*. Dar al-Hadith.
- Al-Ghazzali, M. M. (n.d.). *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Hakim, M. ‘A. (2003). *Al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn*. Ed. Mustafa ‘Abd al-Qadir. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Hazimi, K. H. (2000). *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. Dar al-‘Alam al-Kutub.
- Al-Jurjani, ‘A. M. (2004). *Mu‘jam al-Ta’rifat*. Ed. Muhammad Siddiq al-Minshawi. Dar al-Fadilah.
- Al-Kuwayt, W. A. S. I. (1986). *Al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Zat al-Salasil.
- Al-Misri, M. (2002). *Kayfa Nurabbi Awlada-na Tarbiyah Islamiyyah Sahibab*. Mu‘assasah Qurtubah.
- _____ (2006). *Al-Zawaj al-Islami al-Sa‘id*. Maktabah al-Safa.
- Al-Mubarakfuri, S. R. (n.d.). *Al-Rabiq al-Makhtum*. Dar al-Hilal.
- Al-Nawawi, A. Z. Y. S. (n.d.). *Al-Majmu‘ Sharh al-Muhaddhab*. Dar al-Fikr.
- Al-Qabisi, A. H. ‘A. (1986). *Al-Risalah al-Mufassalah li-Ahwal al-Muta‘allimin wa-Ahkam al-Mu‘allimin wa’l-Muta‘allimin*. Ed. Ahmad Khalid. Al-Sharikah al-Tunisiyyah.
- Al-Qahtani, S. ‘A. (n.d.). *Al-Hady al-Nabiy fi Tarbiyah al-Awlad*. N.P..
- Al-Qaradawi, Y. (2001). *Al-Rasul al-Mu‘allim*. Dar al-Sahwah.
- Al-Qari, A. S. (1989). *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*. Pustaka Aman Press.
- Al-Qutfi, J. ‘A. Y. (1982). *Inbah al-Ruwat Anbah al-Nuhat*. Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Al-Razi, F. M. ‘U. (1999). *Mafatih al-Ghayb*. Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Tirmidhi, M. ‘I. (1998). *Al-Jami‘ al-Kabir*. Ed. Bashshar ‘Awwad Ma‘ruf. Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Zabidi, M. M. (n.d.). *Taj al-‘Arus min Jawahir al-Qamus*. Dar al-Hidayah.
- Ibn Jama‘ah, M. I. (2012). *Tadhkirah al-Sami‘ wa’l-Mutakallim fi Adab al-‘Alim wa’l-Muta‘allim*. Ed. Muhammad Mahdi al-‘Ajmi. Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah.
- Ibn Kathir, I. ‘U. (1999). *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, ‘A. R. M. (1988). *Diman al-Mubtada’ wa’l-Khabar fi Tarikh al-‘Arab wa’l-Barbar wa-Man ‘Asara-hum min Dhawi al-Sha’n al-Akbar*. Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, M. Y. Q. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Ed. Shu‘ayb al-Arna’ut. Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.

- Ibn Manzur, M. M. (1993). *Lisan al-'Arab*. Dar Sadir.
- Ibn Sahnun, M. (1968). *Kitab Adab al-Mu'allimin*. Ed. Muhammad al-'Arusi. Dar al-Ma'arif.
- Ibn Sina, H. 'A. (1999). *Al-Qanun fi al-Tibb*. Ed. Muhammad Amin al-Dannawi. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibrahim, A. (1997). *Nabwa Mashru' Majallah Ra'idah li'l-Atfal*. Wizarah al-Awqaf wa'l-Shu'un al-Islamiyyah.
- Jamil, A. I. (2013). *Pemikiran Pentadbiran Pendidikan Nizam al-Mulk: Kajian Terhadap Pentadbiran Madrasah Nizamiyyah*. (Ph.D Thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Jum'ah, 'A. K. (2001). *Al-Tijl fi Daw' al-Qur'an wa'l-Sunnah wa'l-Adab*. Al-Yamamah.
- Ma'lum, S. A. (1993). *Al-Fikr al-Tarbawi 'inda al-Khatib al-Baghdadi*. Maktabah Layyinah.
- Makdisi, G. (1981). *The Rise of Colleges: Institutions of Learning in Islam and the West*. Edinburgh University Press.
- Mat Diah, A. H. (1989). *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Md. Nawi, N. H. (2011). *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Dawud, 'A. B. (2001). *Tarbiyah al-Tijl fi Zill al-Manhaj al-Islami*. Mu'assasah al-Mukhtar.
- Naif, 'A. (2009). *Al-Khulasah fi Usul al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. N.P..
- _____ (2009). *Al-Wajiz fi Huquq al-Awlad fi al-Islam*. N.P..
- Qutb, M. (n.d.). *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. Dar al-Shuruq.
- Shalaby, A. (1954). *History of Muslim Education*. Dar al-Kashshaf.
- Stapa, Z., Yusuf, N., & Shahrudin, A. F. (2012). Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunnah serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari*, 7-22.
- Suwaid, M. N. (2000). *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah li'l-Tijl*. Dar Taybah.
- Wan Daud, W. M. N. (2005). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam S. M. Naquib al-Attas*. Penerbit Universiti Malaya.
- Yunus, F. 'A., 'Abduh, M., & 'Abd Allah, M. (1999). *Al-Tarbiyah al-Diniyyah al-Islamiyyah Bayna al-Asalah wa'l-Mu'asirah*. 'Alam al-Kutub.